# Aku Sebuah Basikal

Aku sebuah basikal. Namaku BMS. Aku dilahirkan di sebuah kilang di Sungai Petani. Badan aku _____ daripada besi. Tubuhku berwarna merah. Aku dilengkapi dua tayar yang dipasang di badanku.

Setelah siap, aku dihantar ke sebuah kedai menjual basikal di Pasir Gudang. Aku ditemani oleh rakan-rakanku yang berlainan saiz dan bentuk. Perasaanku sangat gembira dan _____. Tuan kedai telah membersihkan tubuh badanku. Aku _____ di bahagian hadapan kedai tersebut. Beliau meletakkan tanda _____ di badanku.

Pada suatu hari, ada seorang budak bernama Kamal datang ke kedai sambil _____ oleh ibunya. Kamal amat _____ ketika memandang tubuh badanku. Dia cuba _____ ibunya untuk membeliku. Aku telah dibeli dengan harga RM 300.00 berserta dengan hadiah sampingan.

Kamal menjagaku dengan baik sekali. Pada setiap petang, aku akan ditunggang dengan cermat ke taman permainan yang terletak _____ rumahnya. Hatiku sangat gembira kerana dapat menggembirakan hati tuan ku. Rakan-rakannya sering memuji kecantikan tubuh badanku.

Pada hari minggu, tuan akan mencuci badan aku dengan air sabun. Selepas itu, dia akan_____ badanku sehingga berkilat-kilat. Pada sebelah malam, Kamal akan _____ aku di dalam garaj kereta agar tidak dicuri orang.

Aku sangat berbesar hati kerana diriku dihargai dan disayangi. Setiap hari, aku akan dijaga dan disayangi . Aku berjanji akan berbakti kepada tuan aku sehingga akhir hayatku.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| harga | memujuk | tertarik | dipamerkan | berhampiran |
| menggilap | mengunci | ditemani | teruja | diperbuat |

Disediakan oleh : Cikgu Mohd Azizi b. Wahaid (Sk Masai)

LIVEWORKSHEETS